


# PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19)

## PERKARA ANDA PERLU TAHU

Penyakit coronavirus baharu dikenal pasti pertama kali di Wuhan, China pada Disember 2019.

### PENULARAN Kerja penyiasatan sedang dijalankan

- Tersebar terutamanya oleh **orang sakit** melalui **titisan cecair** yang dihasilkan apabila mereka bercakap, batuk dan bersin.
- Menyentuh **objek tercemar** memindahkan titisan cecair yang dijangkit ke tangan anda yang boleh memasuki hidung / mata / mulut anda.



Beberapa pelancong telah membawa virus ini ke negara lain. **Penyaringan di pintu-pintu masuk** membantu mengesan pelancong yang sakit.

### SIMPTOM Simptom akan timbul dalam masa 14 hari selepas pendedahan yang mungkin. Pantau kesihatan anda!

- Demam
- Sakit Tekak
- Batuk
- Sesak nafas
- Sakit otot
- Cirit-birit



Kebanyakan kes adalah **TAHAP SEDERHANA**, tetapi ada pada **TAHAP TERUK** dan boleh menyebabkan maut.



**Dapatkan bantuan perubatan segera** jika anda rasa anda mungkin telah didedahkan atau menghidap simptom.

### PENCEGAHAN

Mengekalkan kebersihan diri dengan baik dan memastikan amalan-amalan pemakanan yang selamat:

- Basuh tangan anda secara kerap. Menggunakan sanitiser tangan beralkohol apabila sabun dan air tidak disediakan.
- Tutup mulut anda ketika batuk dan bersin.
- Elakkan daripada menyentuh muka anda.
- Pastikan makanan termasuklah telur dimasak sepenuhnya.
- Jangan kongsi makanan, minuman dan barang peribadi.



Elakkan daripada pendedahan berpotensi:


- Jangan melawat pasar basah atau ladang.
- Elakkan daripada berada hampir dengan binatang (hidup atau mati) dan persekitarannya.
- Jangan sentuh permukaan yang dicemari dengan najis.
- Elakkan menghampiri dengan binatang liar - kucing, anjing, burung dan kelawar.
- Jauhkan diri daripada orang yang sakit. Jangan biarkan mereka batuk dan bersin ke diri anda.
- Elakkan sebarang aktiviti yang mudah terdedah dengan ramai orang.
- Jangan pergi melancong jika anda sakit.

**Dapatkan suntikan vaksin selsema** yang akan membantu risiko selsema bermusim dan kekeliruan yang mungkin dengan gejala COVID-19.



### RAWATAN

Tidak ada rawatan terperinci. Rawatan sokongan melegakan simptom.



**Tidak ada vaksin untuk COVID-19.**



Sentiasa mengikuti berita dan maklumat daripada laman sesawang khusus SOS Antarabangsa: <https://pandemic.internationalsos.com/2019-ncov>

PENAFIAN: Infografik ini telah dibangunkan untuk tujuan pendidikan sahaja. Ia tidak menggantikan nasihat perubatan profesional. Jika anda mempunyai soalan atau kebimbangan tentang topik yang dinyatakan di sini, sila rujuk dengan perubatan profesional anda.

© Hak cipta 2020 AEA International Holdings Pte. Ltd. Semua hak cipta terpelihara.  
19/02/2020 - version 3.0